



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**TEKNOSTRESS DALAM KALANGAN PEGAWAI AKADEMIK DI
SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

FBMK 2005 14



**TEKNOSTRES DALAM KALANGAN PEGAWAI AKADEMIK DI SEBUAH
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

ZURAIDAH BINTI ABU TALIB

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

April 2005



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**TEKNOSTRES DALAM KALANGAN PEGAWAI AKADEMIK DI SEBUAH
INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM**

Oleh

ZURAIDAH BINTI ABU TALIB

April 2005

Pengerusi : Profesor Madya Musa Abu Hassan, Ph.D

Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti teknostres yang berlaku di kalangan pegawai akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Kajian yang dijalankan ini menggunakan persampelan bersistematik (*systematic sampling*) jenis persampelan rawak berstrata. Kaedah borang soalselidik digunakan untuk melaksanakan kajian. Instrumen kajian ini adalah berasaskan kepada instrumen Inventori Teknostres Peribadi (*Personal Technostress Inventory, PTSI*) yang telah dibangunkan dan digunakan oleh Rosen dan Weil pada tahun 1998 dan 1999.

Di dalam kajian ini, seramai 189 pegawai akademik yang terdiri daripada pelbagai strata jawatan telah menjawab soalselidik yang diedarkan. Hasil kajian menunjukkan bahawa secara majoritinya, wujud teknostres tahap sederhana di kalangan pegawai akademik di IPTA yang dikaji. Hanya sebilangan kecil responden yang mengalami teknostres tahap tinggi, tetapi tiada satu pun responden yang tidak mengalami teknostres. Hasil kajian



juga mendapati bahawa pegawai akademik IPTA yang dikaji kerap mengalami teknostres persekitaran masyarakat (*societal technostress*). Ini diikuti dengan teknostres persempadanan (*boundary technostress*), teknostres di tempat kerja (*workplace technostress*), teknostres masa (*time technostress*), teknostres keluarga (*family technostress*), teknostres komunikasi (*communication technostress*), dan teknostres yang paling sedikit dialami oleh pegawai akademik ini ialah teknostres pembelajaran (*learning technostress*).

Selain itu, Ujian-t yang dijalankan menunjukkan bahawa tidak wujud perbezaan tahap teknostres di kalangan pegawai akademik yang berbeza jantina. Bagaimanapun, perbezaan tahap teknostres didapati wujud di kalangan pegawai akademik IPTA yang berbeza mengikut status perkahwinan. Dengan menggunakan Ujian-t juga, kajian menunjukkan wujudnya perbezaan tahap teknostres antara pegawai akademik yang telah berkahwin dengan pegawai akademik yang belum berkahwin. Pegawai akademik yang telah berkahwin didapati lebih kerap mengalami teknostres berbanding pegawai akademik yang belum berkahwin.

Ujian *ANOVA* Sehalu yang dijalankan juga menunjukkan perbezaan tahap teknostres yang signifikan di kalangan pegawai akademik IPTA yang berbeza mengikut umur, jawatan, perasaan terhadap teknologi, dan tahap teknofobia. Sebagai lanjutan kepada ujian *ANOVA* Sehalu, iaitu melalui ujian *Post-Hoc* yang digunakan, didapati bahawa pegawai akademik yang lebih muda kurang mengalami teknostres berbanding pegawai akademik yang telah berusia. Begitu juga bagi jawatan yang berbeza, tutor didapati paling sedikit mengalami teknostres berbanding guru bahasa. Perbezaan teknostres yang

signifikan di kalangan pegawai akademik IPTA juga dikenal pasti berlaku antara guru bahasa dengan profesor madya dan pensyarah.

Menggunakan ujian yang sama, didapati bahawa antara pegawai akademik yang berbeza perasaan mereka terhadap teknologi juga mengalami tahap teknostres yang berbeza. Didapati bahawa responden yang lebih rela menunggu dan menunggu sehingga perlu menggunakan teknologi lebih teknostres berbanding responden yang sangat berminat dan bersedia menggunakan teknologi. Perbezaan yang signifikan juga menunjukkan bahawa teknostres di kalangan pegawai akademik adalah berbeza bagi mereka yang mengalami teknofobia tahap tinggi dengan mereka yang mengalami teknofobia tahap sederhana dan rendah. Didapati juga bahawa semakin teknofobia, pegawai akademik juga semakin kurang teknostres.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of
the requirements for the degree of Master of Science

**TECHNOSTRESS AMONG ACADEMICIAN IN SELECTED PUBLIC HIGHER
LEARNING INSTITUTION**

By

ZURAIDAH BINTI ABU TALIB

April 2005

Chairman : Associate Professor Musa Abu Hassan, Ph.D

Faculty : Modern Languages and Communication

This study was carried out to identify technostress among academicians from a public institution of higher learning. The objectives of this study were to identify the technostress level experienced by academicians, to identify the technostress component most experienced by the academicians, to examine differences in technostress level according to gender, marital status, age and designation, to examine differences in technostress among academicians who have different feelings towards technology and finally to identify differences in technostress among academicians who have different levels of technophobia.

One hundred and eighty-nine academicians from various designations participated in this study and data was collected using the Personal Technostress Inventory (PTSI), developed and used by Rosen and Weil in 1998 and 1999.

The majority of the respondents reported a medium level of technostress, and only three respondents reported a high level of technostress. However, none of the respondents reported not experiencing any technostress. The results of the study showed that there were various types of technostress frequently experienced by the respondents. They were societal technostress, time technostress, boundary technostress, workplace technostress, family technostress, and communication technostress. The type of technostress least experienced by the respondents was learning technostress.

The t-test result showed that there was no difference in technostress level according to gender. However, there are differences in technostress level according to the status of marriage of the respondents. The study found that respondents who are married experienced more technostress compared to their unmarried counterparts. The One-way ANOVA test showed that there are significant differences in respondents' technostress levels according to age, designation, feelings towards technology and level of technophobia. A Post-Hoc test was utilized and the result showed that younger respondents experienced less technostress compared to the older ones. The same applied to the difference of technostress level according to designation. Tutors were found to experience the least technostress compared to language instructors.

There is also a significant difference in technostress level between language instructors and lecturers, as well as associate professors. The results of the study also showed that academicians with different feelings towards technology also experience different level of technostress. Respondents who were interested and prepared to use technology experienced less technostress compared to respondents who delayed the need to use

technology or waited until they really need to use them. There is also a significant difference in technostress level among the academicians with high technophobia and those with moderate and low technophobia. The results indicate that respondents who were technophobic experienced less technostress.



PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan rasa syukur kepada Allah SWT kerana dengan keizinanNya dapat saya menyiapkan tesis ini. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada jawatankuasa penyeliaan tesis saya iaitu Profesor Madya Dr. Musa Abu Hassan (Pengerusi dan Penyelia Utama), Dr. Narimah Ismail, dan Dr. Siti Zobidah Omar yang telah banyak memberi bimbingan, teguran, dan tunjuk ajar tanpa jemu dan penuh kesabaran dalam membantu penyelidikan tesis saya ini.

Tidak dilupakan juga kepada rakan seperjuangan yang banyak memberikan pandangan, terima kasih di atas bantuan, sokongan, dan khidmat nasihat yang diberikan. Terima kasih juga kepada Penolong Pendaftar, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar yang telah banyak membantu memberikan maklumat tentang populasi pegawai akademik yang ada di IPTA yang dikaji ini. Tidak ketinggalan, jutaan terima kasih juga kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penyelidikan ini.

Kepada mak (Rokiah Hj. Mohamad), abah (Abu Talib Abdul Rahman), dan adik-adik yang dikasihi, terima kasih kerana sentiasa mendoakan kejayaan anakanda dan kekanda. InsyaAllah, hanya Allah sahaja yang mampu membalas jasa dan pengorbanan kalian. Semoga kalian juga akan beroleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.



Saya mengesahkan bahawa Jawatankuasa Peperiksaan Tesis bagi Zuraidah binti Abu Talib telah mengadakan peperiksaan akhir pada 28 April 2005 untuk menilai tesis Master Sains beliau yang bertajuk “Teknostres dalam Kalangan Pegawai Akademik di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam” mengikut Akta Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1980 dan Peraturan Universiti Pertanian Malaysia (Ijazah Lanjutan) 1981. Jawatankuasa Peperiksaan Tesis memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahkan ijazah tersebut. Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Md. Salleh Hassan, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mardziah Hayati Abdullah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Bahaman Abu Samah, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pemeriksa Dalam)

Mohammed Zin Nordin, PhD

Profesor Madya
Pusat Pengajian Komunikasi
Universiti Sains Malaysia
(Pemeriksa Luar)



ZAKARIAH ABDUL RASHID, PhD

Profesor/Timbangan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 20 JUN 2005



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:-

Musa Bin Abu Hassan, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Narimah Binti Ismail, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Siti Zobidah Omar, PhD

Pensyarah
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)




AINI IDERIS, PhD
Profesor/ Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: **15 JUL 2005**

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil kerja saya yang sah melainkan petikan dan sedutan yang telah diberikan penghargaan di dalam tesis. Saya juga mengaku bahawa tesis ini tidak dimajukan untuk ijazah-ijazah lain di Universiti Putra Malaysia atau institusi-institusi lain.



ZURAIDAH BINTI ABU TALIB

Tarikh : 7 JULAI 2005

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	ii
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	viii
PENGESAHAN	ix
PERAKUAN	xi
SENARAI KANDUNGAN	xii
SENARAI JADUAL	xv
SENARAI RAJAH	xvii

BAB

I	PENDAHULUAN	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Pernyataan Masalah	5
	Objektif Kajian	7
	Objektif Umum	7
	Objektif Khusus	7
	Kepentingan Kajian	7
	Skop dan Limitasi Kajian	10
II	SOROTAN LITERATUR	12
	Evolusi Teknologi	12
	Konsep Asas Teknologi	12
	Teknologi Untuk Berkomunikasi	15
	Teknologi Komunikasi	15
	Teknologi Maklumat dan Komunikasi (<i>Information and Communication Technology, ICT</i>)	19
	Perkembangan ICT Di Malaysia	21
	Perkembangan ICT Di IPTA Yang Dikaji	26
	Latar Belakang Teoritikal Kajian	31
	Jenis Angkubah Utama Dalam Penyelidikan	33
	Penerimaan, Penggunaan, dan Kesan Sosial Teknologi Komunikasi	
	Ciri Demografi Individu	34
	Penerimaan Terhadap Teknologi	34
	Kumpulan penerima awal (<i>eager adopters</i>)	35
	Kumpulan yang menunggu dan inginkan bukti (<i>hesitant 'prove it'</i>)	35
	Kumpulan penolak (<i>resister</i>)	36
	Penggunaan Teknologi	38
	Gangguan	41
	Ketidakpastian	41
	Kesukaran meramal	42
	Pengulangan	42



Kaitan antara elemen gangguan, ketidakpastian, kesukaran meramal, dan pengulangan yang wujud sewaktu penggunaan teknologi dengan stres	43
Teknofobia	48
Kesan Sosial	48
Teknostres	49
Komponen Teknostres	55
Teknostres komunikasi (<i>communication technostress</i>)	56
Teknostres pembelajaran (<i>learning technostress</i>)	57
Teknostres persempadanan (<i>boundary technostress</i>)	59
Teknostres masa (<i>time technostress</i>)	60
Teknostres keluarga (<i>family technostress</i>)	61
Teknostres di tempat kerja (<i>workplace technostress</i>)	61
Teknostres persekitaran masyarakat (<i>societal technostress</i>)	62
Rangka Konsep Kajian	64
III METODOLOGI KAJIAN	65
Rekabentuk Kajian	65
Lokasi dan Subjek Kajian	65
Populasi dan Persampelan	66
Instrumen Kajian	68
Pembolehubah Kajian	69
Pengukuran Pembolehubah Kajian	70
Ciri Demografik	70
Perasaan Terhadap Teknologi	70
Penggunaan Teknologi	71
Gangguan	71
Ketidakpastian	72
Kesukaran meramal	73
Pengulangan	73
Tahap Teknofobia	74
Teknostres Keseluruhan	75
Komponen Teknostres	76
Teknostres Komunikasi	77
Teknostres Pembelajaran	78
Teknostres Persempadanan	78
Teknostres Masa	79
Teknostres Keluarga	80
Teknostres Di Tempat Kerja	80
Teknostres Persekitaran Masyarakat	81
Pra-Uji Instrumen	83
Pengumpulan Data Kajian	85

	Penganalisaan Data Kajian	86
IV	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	88
	Ciri Demografik Responden	88
	Teknostres Di Kalangan Pegawai Akademik	90
	Teknostres Komunikasi	90
	Teknostres Pembelajaran	92
	Teknostres Persempadanan	93
	Teknostres Masa	96
	Teknostres Keluarga	98
	Teknostres Di Tempat Kerja	100
	Teknostres Persekitaran Masyarakat	102
	Teknostres Keseluruhan	104
	Komponen Teknostres Yang Paling Kerap Dialami Oleh Pegawai Akademik	105
	Perbezaan Teknostres Di Kalangan Pegawai Akademik	106
	Jantina	106
	Status Perkahwinan	106
	Umur	107
	Jawatan	109
	Perasaan Terhadap Teknologi	110
	Tahap Teknofobia	111
V	RINGKASAN, KESIMPULAN, DAN CADANGAN	114
	Ringkasan Kajian	114
	Kesimpulan dan Cadangan	117
	Implikasi Teori	121
	Kesan Sosial Teknostres	121
	Penggunaan Teknologi	122
	Kaitan antara elemen gangguan, ketidakpastian, kesukaran meramal, dan pengulangan akibat penggunaan teknologi yang menyebabkan stres	123
	Cadangan Kajian Lanjutan	124
	BIBLIOGRAFI	126
	LAMPIRAN	134
	BIODATA PENULIS	146



SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	Nilai <i>Cronbach Alpha</i>	85
2	Ciri Demografik Responden	89
3	Teknostres Komunikasi	91
4	Tahap Teknostres Komunikasi Di Kalangan Pegawai Akademik	92
5	Teknostres Pembelajaran	92
6	Tahap Teknostres Pembelajaran Di Kalangan Pegawai Akademik	93
7	Teknostres Persempadanan	95
8	Tahap Teknostres Persempadanan Di Kalangan Pegawai Akademik	
9	Teknostres Masa	97
10	Tahap Teknostres Masa Di Kalangan Pegawai Akademik	98
11	Teknostres Keluarga	99
12	Tahap Teknostres Keluarga Di Kalangan Pegawai Akademik	99
13	Teknostres Di Tempat Kerja	101
14	Tahap Teknostres Di Tempat Kerja Di Kalangan Pegawai Akademik	102
15	Teknostres Persekitaran Masyarakat	103
16	Tahap Teknostres Persekitaran Masyarakat Di Kalangan Pegawai Akademik	104
17	Teknostres Di Kalangan Pegawai Akademik	105
18	Ujian-t Perbezaan Teknostres Mengikut Jantina	106
19	Ujian-t Perbezaan Teknostres Mengikut Status Perkahwinan	107

SENARAI JADUAL (sambungan)

Jadual		Muka Surat
20	Ujian <i>ANOVA</i> Sehala Perbezaan Teknostres Mengikut Umur	109
21	Ujian <i>ANOVA</i> Sehala Perbezaan Teknostres Mengikut Jawatan	110
22	Ujian <i>ANOVA</i> Sehala Perbezaan Teknostres Mengikut Perasaan Terhadap Teknologi	111
23	Ujian <i>ANOVA</i> Sehala Perbezaan Teknostres Mengikut Tahap Teknofobia	112

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Jenis Angkubah Utama Dalam Penyelidikan Penerimaan, Penggunaan, dan Kesan Sosial Teknologi Komunikasi	33
2	Rangka Konsep Kajian	64
3	Rangka Persampelan	68
4	Item Ukuran Teknostres	83

BAB I

PENDAHULUAN

Secara umumnya, bab ini merupakan rangka kerja awal untuk memulakan kajian yang berkaitan dengan teknostres di kalangan pegawai akademik di sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Bab ini juga merupakan bab pengenalan yang memberi penjelasan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, dan skop serta limitasi kajian yang perlu diberikan perhatian oleh penyelidik agar dapat menyempurnakan dan menghasilkan kajian yang menepati objektif kajian.

Latar Belakang Kajian

Penggunaan teknologi di dalam kehidupan manusia sememangnya tidak dapat dipisahkan. Teknologi merupakan perkakasan yang secara langsung dapat memudahkan kerja manusia. Sejak dari dahulu lagi, manusia telah menggunakan teknologi di dalam kehidupan untuk memudahkan kerja seharian di samping untuk menghasilkan objek lain bagi kegunaan mereka. Antara teknologi awal yang digunakan oleh manusia ialah seperti penggunaan batu, kayu, dan juga tulang binatang untuk membantu mereka memasak, memburu binatang, dan bercucuk tanam. Ini diakui oleh Burke (1985), yang menyatakan bahawa manusia pada peringkat awal dahulu, telah menggunakan batu dan ranting kayu sebagai alat teknologi asas untuk kegunaan harian mereka. Namun begitu, semakin kehidupan manusia menjadi kian bertamadun, peralatan teknologi yang digunakan juga

mengalami perubahan sehingga pertambahan peralatan teknologi yang digunakan juga telah menambahkan kadar perubahan yang berlaku di dalam persekitaran hidup manusia (Burke, 1985).

Musa (2002) pula menyatakan bahawa teknologi adalah cara, peralatan, bahan, atau perisian untuk melakukan, membuat, atau membina sesuatu. Menurut Musa (2002) lagi, ada sesetengah pihak juga berpendapat bahawa teknologi adalah cara atau perkakasan yang menjadikan kerja lebih mudah, selamat, jimat, dan efisien. Teknologi juga merupakan kaedah dan cara (*means*) yang secara keseluruhannya digunakan untuk mengadakan objek lain yang perlu bagi kehidupan dan kesejahteraan manusia. Sehubungan itu, teknologi telah membolehkan manusia melakukan kajian dan membuat pengubahsuaian dalam banyak hal. Boleh dikatakan bahawa ada ketikanya manusia juga berubah mengikut kemajuan teknologi dan di dalam contohnya, Musa (2002) merujuk kenyataan ini kepada aktiviti membaca berita melalui Internet tanpa perlu lagi membeli akhbar yang kini menjadi semakin popular di kalangan masyarakat.

Menurut Norton (1990) pula, sejarah membuktikan bahawa apabila muncul sesuatu inovasi baru dalam masyarakat, masyarakat turut berubah. Perubahan dari revolusi pertanian ke revolusi industri, dan kini, masyarakat boleh dikatakan telah berubah dan memasuki era gelombang ketiga iaitu era informasi yang sekaligus menjadikan mereka masyarakat bermaklumat akibat daripada penggunaan teknologi yang semakin canggih (Burke, 1985; Pavlik, 1998; Winston, 1998; Gehris dan Szul 2002; Rahmah dan Raslan, 2003; Safiee Mohamad, 2003; Asmidar, 2003; Chintakindi dan Razali Ayob, 2003; Norshidah dan Husnayati, 2003; Norehan, Dang Merduwati, dan

Saidatul Akhmar, 2003; dan Capron dan Johnson, 2004). Pada masa kini juga, perkongsian maklumat dan pengetahuan dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) atau yang lebih popular dan lebih digunapakai sebagai *Information and Communication Technology* (ICT), telah menjadi faktor utama untuk membangunkan ekonomi dan masyarakat dalam sesebuah negara termasuk di Malaysia (Rahmah dan Raslan, 2003; Zainab, 2002; Nath, 2000; dan Chintakindi dan Razali Ayob, 2003).

Sehubungan itu, pemahaman tentang penggunaan teknologi di dalam penulisan ini adalah berkaitan dengan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dengan menggunakan singkatan ICT kerana ia lebih mudah difahami dan lebih digunapakai oleh pihak umum.

Namun begitu, setiap sesuatu kejadian pasti ada kesan baik dan buruknya. Oleh itu, walaupun teknologi seperti yang telah diperjelaskan banyak membantu manusia melakukan kerja dan menghasilkan objek baru untuk kesenangan dan keselesaan hidup serta komunikasi, tetapi dalam masa yang sama tidak dinafikan bahawa teknologi juga mampu mendatangkan kesan negatif kepada individu. Ini berlaku terutamanya apabila teknologi yang diharapkan dapat membantu, tidak dapat berfungsi dengan sebaiknya dan mengganggu perjalanan kerja yang ingin dilaksanakan sehingga menyebabkan individu pada akhirnya mengalami tekanan akibat penggunaan teknologi terbabit. Oleh itu, sejak teknologi mula menguasai kehidupan dan komunikasi seharian manusia dari dahulu dan sehingga ke hari ini, telah banyak kajian yang dijalankan oleh para sarjana termasuklah sarjana komunikasi tentang impak teknologi komunikasi terhadap masyarakat.

Bermula dari tahun 1982 iaitu setelah tujuh tahun komputer mikro pertama dipasarkan kepada masyarakat umum pada tahun 1975, terdapat kecenderungan di kalangan sarjana untuk mengkaji tentang impak teknologi terhadap kehidupan sosial dan psikologikal manusia. Brod (1984) menyifatkan kemunculan komputer telah menyebabkan timbulnya gejala teknostres. Brod (1984) menyatakan bahawa gejala teknostres adalah satu nilai yang perlu dibayar atau dialami oleh masyarakat akibat daripada revolusi komputer. Menurut Rosen dan Weil (1997) pula, walaupun teknologi mempunyai keajaiban tersendiri untuk membantu dan memudahkan kehidupan manusia melakukan kerja dan berkomunikasi, tetapi setiap individu memerlukan masa dan kesabaran untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan teknologi tersebut secara maksima dan efisien.

Oleh itu, akan wujud tekanan dalam diri individu kerana individu seringkali kesuntukan masa dan kesabaran untuk menguasai serta memahami teknologi sepenuhnya. Dalam masa yang sama juga teknologi biasanya terlalu cepat berkembang dan berubah sehingga manusia tiada daya untuk menyaingi perkembangannya yang pantas. Di samping itu, sifat individu yang seringkali menolak pembaharuan dan juga sifat teknologi yang secara umumnya tidak begitu mesra pengguna juga boleh membawa individu kepada kekecewaan, kebimbangan, kerunsingan, dan juga kegagalan apabila mereka menggunakan teknologi.

Rosen dan Weil (1997) menyatakan bahawa keadaan ini boleh dianggap sebagai satu keburukan di sebalik keajaiban teknologi dan sifat negatif ini disebut sebagai teknostres. Secara langsung atau tidak langsung, setiap individu sebenarnya sentiasa berhadapan dengan fenomena tekanan teknologi sebaik sahaja mereka

mengharungi dunia teknologi yang semakin banyak dan meluas. Dengan kata lain, sesiapa sahaja yang menggunakan teknologi, pasti akan mengalami teknostres dalam diri mereka secara disedari mahupun tidak (Rosen dan Weil, 1997).

Tambah Rosen dan Weil (1997), adalah penting untuk mengenalpasti bahawa walaupun teknologi kerap kali menyebabkan kita berasa kecewa yang tidak terlalu ketara seperti rasa terkongkong, malu, bimbang, dan tidak selesa, tetapi jika ianya berlaku pada setiap masa dan setiap hari, ia akan menjadi satu impak negatif kumulatif yang juga akan memberi kesan kepada kesihatan fizikal dan psikologi seseorang. Sebagai contoh, ada ketikanya, individu terpaksa bersoal jawab dengan diri sendiri akan tindak tanduk mereka kerana membuat keputusan dan memberikan maklumbalas yang tergesa-gesa apabila mendapat mesej dari telefon selular, mesin faksimili, alat kelui, atau mesej dari emel yang bersifat segera (*urgent*). Ada ketikanya juga, individu turut berasa tertekan hanya semata-mata untuk menunjukkan bahawa mereka memahami tentang *World Wide Web (WWW)* semasa perbincangan perniagaan atau perbualan biasa, sedangkan mereka tidak terlalu arif dan mahir tentang perkara tersebut.

Pernyataan Masalah

Oleh itu, berdasarkan kepada contoh dan perbincangan di atas, dapat ditunjukkan bahawa di sebalik kehadiran teknologi yang penuh keajaiban serta dapat membantu dalam kehidupan dan komunikasi manusia, tetapi dalam masa yang sama ia juga mampu memberikan impak negatif seperti wujudnya gejala teknostres di dalam diri individu yang menggunakan teknologi. Sehubungan itu, adalah penting

untuk dikaji, adakah limpahan ICT di persekitaran masyarakat, di rumah, dan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) juga menyebabkan berlakunya teknostres di kalangan para pekerja IPTA terutama di kalangan pegawai akademik. Ini jelas kerana pegawai akademik sememangnya telah sedia terbeban dengan tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, perundingan, dan penerbitan; tetapi dalam masa yang sama mereka juga perlu melakukan sendiri kerja pentadbiran dan pengurusan berikutan kemasukan dan penggunaan teknologi yang meluas di dalam IPTA. Selain itu, bengkel dan latihan secara formal yang kurang mencukupi dan pengenalan ICT terkini yang sentiasa berubah, juga merupakan antara sebab yang memungkinkan pegawai akademik IPTA mengalami teknostres.

Oleh itu, adakah pegawai akademik IPTA ini turut mengalami teknostres seperti yang telah diperbincangkan? Secara ringkasnya, kajian mengenai teknostres di kalangan pegawai akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) adalah penting untuk menjawab beberapa persoalan berikut, iaitu: -

1. Di tahap manakah teknostres berlaku di kalangan pegawai akademik IPTA?
2. Apakah komponen teknostres yang paling kerap dialami oleh pegawai akademik IPTA?
3. Adakah wujud perbezaan tahap teknostres di kalangan pegawai akademik IPTA mengikut jantina, status perkahwinan, umur, jawatan, perasaan terhadap teknologi, dan tahap teknofobia yang berbeza?

Objektif Kajian

Objektif Umum

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenalpasti teknostres yang berlaku di kalangan pegawai akademik di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Objektif Khusus

Objektif khusus kajian pula adalah untuk:-

1. Menenalpasti tahap teknostres yang dialami oleh pegawai akademik IPTA.
2. Menentukan komponen teknostres yang paling kerap dialami oleh pegawai akademik IPTA.
3. Menentukan perbezaan tahap teknostres di kalangan pegawai akademik IPTA mengikut jantina, status perkahwinan, umur, jawatan, perasaan terhadap teknologi, dan tahap teknofobia.

Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian mengenai teknostres di kalangan pegawai akademik IPTA dilihat dari tiga aspek utama iaitu yang pertamanya dari aspek aplikasi, teori, dan juga perkembangan ilmu.